

## **Thailand dinilai ekonomi paling bahagia di dunia**



Thailand menduduki tempat pertama dalam senarai 15 ekonomi paling bahagia di dunia, berdasarkan tinjauan oleh Bloomberg News.

Jurucakap Kerajaan, Mejar Jeneral Sansern Kaewkamnerd memetik laporan dalam Indeks Misery Bloomberg 2016 bahawa Thailand di nilai sebagai ekonomi paling bahagia di dunia selama dua tahun berturut-turut.

Menurut laporan tersebut, Thailand mengekalkan kedudukan terbawah dalam senarai ekonomi yang teruk. Ini disebabkan oleh pengangguran dan inflasi rendah yang berterusan. Indeks tersebut dikumpulkan oleh pakar rujuk ekonomi dengan melihat data ekonomi inflasi dan pengangguran.

Walaupun Thailand bukan negara kaya, indeks tersebut mengaitkan kedudukan rendah Thailand kepada kadar pengangguran rendah yang luar biasa dan isu-isu "struktur unik yang membolehkan lebih banyak rakyat dikira sebagai bekerja". Kadar penganggurannya hanya 0.9 peratus dan inflasi 2.5 peratus pada tahun 2015, menurut data Bank Dunia.

Selepas Thailand, senarai ekonomi paling bahagia diikuti oleh Switzerland, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Denmark, China, Amerika Syarikat, Norway, United Kingdom, Austria, New Zealand, Iceland, Malaysia, dan Jerman.

Jurucakap Kerajaan berkata bahawa index tersebut menunjukkan bahawa di tengah-tengah turun naik ekonomi semasa, keadaan ekonomi Thailand tetap stabil. Masyarakat antarabangsa juga yakin dengan ekonomi Thailand.

Beliau berkata bahawa Perdana Menteri mengetahui mengenai Bloomberg Misery Index dan beliau berpuas hati dengan prestasi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan mampu mengekalkan kadar pengangguran dan inflasi yang rendah. Perdana Menteri turut menyarankan sektor swasta dan rakyat bekerjasama untuk saling mendorong memperbaiki ekonomi Thai.

Menurut Bank Thailand, ekonomi Thailand berterus pulih, berikutan perbelanjaan awam yang dipercepat dan peningkatan dalam sektor perkhidmatan. Penggunaan swasta juga beransur pulih, disokong oleh peningkatan keyakinan pengguna dan penurunan berterusan harga tenaga, dan manfaat daripada langkah-langkah rangsangan tambahan.

Pengeluaran pembuatan dan pelaburan swasta sedikit meningkat. Pelaburan dalam sektor tertentu berkembang, terutamanya telekomunikasi dan tenaga alternatif. Kadar pengangguran kekal pada tahap rendah. Akaun semasa terus mencatat lebihan berikutan import barang kontrak.

Tahap tempahan antarabangsa kekal tinggi. Sektor pelancongan bertambah baik. Statistik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand menunjukkan bahawa, pada tahun 2015, industri pelancongan Thai mencecah bilangan yang tertinggi dalam sejarah, menarik 29.8 juta ketibaan pelancong antarabangsa. Jumlah itu menunjukkan peningkatan 20 peratus berbanding tahun 2014. Dari segi pendapatan pelancongan, Thailand memperoleh 1.4 trillion baht, menyumbang peningkatan 23 peratus tahun ke tahun.